



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PEMEROLEHAN BAHASA DI KALANGAN KANAK-KANAK MELAYU

VIJAYALETCHUMY A/P SUBRAMANIAM

FBMK 2000 5

PEMEROLEHAN BAHASA DI KALANGAN KANAK-KANAK MELAYU

VIJAYALETCHUMY A/P SUBRAMANIAM

**MASTER SASTERA
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2000



PEMEROLEHAN BAHASA DI KALANGAN KANAK-KANAK MELAYU

Oleh

VIJAYALETCHUMY A/P SUBRAMANIAM

**Tesis ini disediakan bagi Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sastera di
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia**

Februari 2000



Dedikasi

Teristimewa buat.....

Mendiang Ayahku:
Mendiang Ibuku:

Encik Subramaniam
Puan Velliamah

Ayah Mertuaku:
Ibu Mertuaku:

Encik Muthu
Puan Papathy

Suamiku:

Encik Elangkovan

Puteraku:

E. Nertiyan dan
E. Kaviyarasu

Adik-beradik

Terima kasih atas dorongan dan keyakinan yang tidak berbelah bagi.
Doa kalian sentiasa mengiringi perjalanan hidupku ini.

Abstrak Tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

PEMEROLEHAN BAHASA DI KALANGAN KANAK-KANAK MELAYU

Oleh

VIJAYALETCHUMY A/P SUBRAMANIAM

Februari 2000

Penyelia : Noor Aina Dani, Ph.D.

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ilmiah ini dijalankan dengan tujuan mengenalpasti perkembangan pemerolehan bahasa di kalangan kanak-kanak Melayu. Kajian ini melihat pemerolehan bahasa di kalangan kanak-kanak Melayu pada setiap pemeringkatan usia.

Pemerhatian dilakukan ke atas 32 orang kanak-kanak bangsa Melayu yang mencakupi empat tahap pemeringkatan pemerolehan bahasa. Tempat kajian kanak-kanak tersebut ialah di Taman Asuhan Kanak-kanak Mardi, Serdang. Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian ke atas aspek-aspek pemerolehan dan kecekapan berbahasa kanak-kanak. Bahan-bahan berupa gambar digunakan untuk aktiviti bercerita yang bertujuan merangsang kanak-kanak bertutur. Ujaran kanak-kanak ini dirakam dan dianalisis oleh penyelidik.

Dapatan daripada pemerhatian tersebut adalah hasil daripada proses seperti temubual yang berlaku secara dirancang dan tidak dirancang. Kanak-kanak sudah dapat menguasai aspek fonologi, morfologi, dan sintaksis pada peringkat menjelang tatabahasa dewasa dan peringkat kecekapan penuh. Manakala pada peringkat awal pemerolehan bahasa yang melibatkan kanak-kanak 0:5 bulan hingga 5:0 tahun, didapati kanak-kanak tersebut dapat mengujarkan peraturan bahasa dalam bahasa Melayu dengan mudah.

Hasil kajian menunjukkan bahawa kecekapan kanak-kanak menguasai kata nama adalah berdasarkan kepada kata yang selalu di gunakan di rumah. Kanak-kanak hanya akan menggunakan kata yang mudah dan ketara daripada pemerhatian mereka. Pemerolehan kata nama kanak-kanak tidaklah berlaku secara sewenang-wenangnya. Dalam proses pemerolehan ini, kanak-kanak selalu menggunakan strategi simplifikasi(permudahan) bagi menggambarkan makna yang telah mereka kuasai.

Kajian ini turut mencadangkan beberapa perkara penting yang merangkumi aspek-aspek pembelajaran kanak-kanak di peringkat prasekolah, dan peranan yang dapat dimainkan oleh ibu bapa sewaktu kanak-kanak berada di peringkat awal pemerolehan bahasa. Sesungguhnya semua pihak yang terlibat dalam pendidikan adalah bertanggungjawab untuk memperkembangkan potensi diri kanak-kanak dalam kecekapan bahasa.

Cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam kajian merupakan cadangan untuk para guru, ibu bapa dan kepada pihak-pihak yang terlibat dengan pendidikan prasekolah, iaitu penggubal sukatan pelajaran dan penerbit buku. Semua pihak adalah bertanggungjawab dalam memberi perhatian dan rangsangan kepada kanak-kanak untuk memastikan tahap penguasaan bahasa mereka terus berkembang selaras dengan perkembangan fizikal dan kognitif kanak-kanak.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirements for the degree of Master of Arts

**DEVELOPMENT OF LANGUAGE ACQUISITION AMONG
THE MALAY CHILDREN**

By

VIJAYALETCHUMY A/P SUBRAMANIAM

February 2000

Chairman : Noor Aina Dani, Ph.D.

Faculty : Modern Language and Communication

This academic research was carried out to identify the developmental stages of language acquisition among Malay children. This research attempted to seek language acquisition among Malay children at each stage of their age.

Observation was carried out on 32 Malay children covering four stages of language acquisition. The sample of this research was chosen from the Mardi Children's Nursery, Serdang. This research applied the observation method on aspects of language acquisition and skills among the said children. Materials in the form of pictures were used in story telling activities to stimulate the children to speak. Besides that, their speech output was recorded and analysed.



The outcomes of the research comprise results of processes such as conversation with the subjects, which was both planned and unplanned. The children indicated increasing mastery of aspects of phonology, morphology, and syntax of the pre adult grammar stage as well as the complete skills stage. Meanwhile, at the early language acquisition stage which involved children between the age of 5 months and 5 years, it was discovered that the subjects were able to produce utterances according to the grammatical rules of the Malay language easily.

The results of the research indicate that the ability of children in acquiring nouns depended on the vocabulary used at home. Children tended to use words which were relatively easy and familiar to them. However, nouns acquisition among the children did not occur easily. In the process of acquisition, children often applied simplification strategy to describe the meanings which they had mastered.

The study also suggests several important areas of concern which comprise aspects of the child's learning process at the preschool level, and the contributing role of parents when the child is in the early stage of language acquisition. In fact, every party involved in education is responsible toward the development of a child's self potential in language skills.



In conclusion, this thesis is meant for teachers, parents and those who are involved with preschool education, that is, syllabus designers and both publishers. Every party involved is responsible for giving attention and encouragement to children in order to ascertain that a child's language acquisition develops continuously in line with the child's cognitive and physical development.



PENGHARGAAN

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih terutamanya kepada pensyarah yang dihormati Dr. Noor Aini Dani, Ph.D yang telah banyak membantu saya semasa menyiapkan rangka tesis ini dalam jangka waktu yang ditetapkan.

Syukur kepada Tuhan apabila saya mendapat bimbingan di bawah pensyarah saya, Dr. Noor Aina Dani. Beliau adalah satu-satunya aset kepada UPM kerana pengetahuannya yang mendalam dan berilmiah dalam bidang psikolinguistik. Walaupun pada peringkat permulaan, saya menghadapi banyak masalah dari segi pengetahuan namun masalah ini telah dapat diatasi dengan adanya pensyarah yang berkewibawaan seperti Dr. Noor Aina Dani. Beliau telah memberi bimbingan dan idea-idea yang bernas kepada saya.

Dalam penyediaan penulisan akademik ini saya banyak berpandu kepada bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan oleh Dr. Noor Aina Dani. Idea-idea yang diberikan oleh beliau semasa perbincangan adalah sangat berguna dalam penyediaan penulisan akademik ini.

Penyelidik juga ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada ahli-ahli panel penyelia kursus ini, Encik Kamaruzzaman bin A. Kadir dan Dr. Mohd. Faiz Abdullah terhadap kesabaran mereka membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada penyelidik dalam usaha menyelenggarakan kajian tesis ini.

Ribuan terima kasih juga saya tujukan kepada semua pihak yang terlibat khususnya pengasuh taman didikan kanak-kanak (MARDI) dan kanak-kanak yang terlibat dalam kajian yang telah banyak membantu penyelidik dalam usaha menyiapkan kajian ini.

Penyelidik juga terhutang budi kepada abang, adik-beradik dan rakan-rakan yang tidak dapat disenaraikan di sini kerana kesudian mereka memberi pandangan, pendapat atau kritikan bagi menyiapkan kajian ini.

Tidak lupa juga kepada kakitangan perpustakaan Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Pusat Dokumentasi Dewan Bahasa dan Pustaka. Penyelidik juga tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Kak Sohaila Abdul Karim yang tidak jemu-jemu dan sabar dalam usaha menaipkan latihan ilmiah ini.

Akhir sekali, sekalung penghargaan buat ibu bapa, adik-beradik, suami, dan anak-anak kerana dorongan dan pengorbanan mereka bagi membolehkan penyelidik menyudahkan kajian penulisan akademik ini.

BERILMU BERBAKTI




Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Vijayaletchumy A/P Subramaniam telah mengadakan pemeriksaan akhir pada 22 Februari 2000 untuk menilai tesis Master Sastera beliau yang bertajuk “Pemerolehan Bahasa di Kalangan Kanak-kanak Melayu” mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-Peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah tersebut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

Mohd Kasim Ismail
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi/Wakil Dekan Pengajian Siswazah)

Noor Aina Dani, Ph.D.
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Mohd Faiz Sathi Abdullah, Ph.D.
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Encik Kamaruzzaman A. Kadir
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)




MOHD GHAZALI MOHAYIDIN, Ph.D.
Professor

Timbalan Dekan Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: **13 MAR 2000**

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera.


KAMIS AWANG, Ph.D,
Profesor Madya
Dekan Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia.

Tarikh: 11 MAY 2000

Pengakuan

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberi penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau di institusi-institusi lain.



(Vijayaletchumy A/P Subramaniam)

Tarikh: 8.3.2000

JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	vi
PENGHARGAAN	ix
LEMBARAN PENGESAHAN	xi
PENYATAAN KEASLIAN	xiii
SENARAI JADUAL	xvii
SENARAI RAJAH	xviii
SENARAI SINGKATAN	xix

BAB

1	PENDAHULUAN	1
	Latar Belakang Kajian	1
	Peringkat Perkembangan Pemerolehan Bahasa	2
	Vokalisasi	3
	Holofrasa	4
	Telegrafik	7
	Perkembangan Ayat-ayat Kompleks	12
	Pernyataan Masalah	15
	Kepentingan Kaji	18
	Objektif Kajian	21
	Skop Kajian	22
	Definisi Operasional	23
	Pemerolehan bahasa	23
	Bahasa	24
II	TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN	26
	Pendahuluan	26
	Kajian tentang Pemerolehan Bahasa Kanak-kanak	26
	Kajian tentang Perkembangan Bahasa Kanak-kanak	31
	Kajian tentang Pemerolehan Bahasa Kanak-kanak	34
	Kajian tentang Pemerolehan Imbuhan di Kalangan	
	Kanak-kanak	41
	Kajian tentang Teori-teori Pemerolehan Bahasa	52



III	METODOLOGI	59
	Rekabentuk Kajian	59
	Kerangka Teori	59
	Kerangka Konsepsi	64
	Tempat Kajian	64
	Populasi dan Persampelan	64
	Subjek Kajian	65
	Kaedah Kajian	66
	Kajian Perpustakaan	66
	Kaedah Pemerhatian	67
	Kaedah Analisis Kandungan	68
	Pendekatan Kajian	70
	Pembolehkan Kajian	71
	Pembolehkan Bebas	71
	Pembolehkan Bersandar	71
	Alat Kajian	71
	Alat Kajian Vokalisasi	72
	Alat Kajian Holofrasa	72
	Alat Kajian Telegrafik	72
	Alat Kajian Perkembangan Ayat-ayat Kompleks	73
	Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	75
	Lembaran Kerja untuk Menguji Aspek Fonologi	75
	Gambar-gambar untuk Aktiviti Bercerita bagi Aspek Morfologi	76
	Tatacara Kajian	80
	Kajian Rintis	81
	Penganalisan Data	85
	Analisis Kuantitatif	86
	Analisis Kualitatif	86
IV	KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	91
	Hasil Kajian	91
	Objektif 1.....	92
	Peringkat Vokalisasi	92
	Objektif 2.....	103
	Peringkat Holofrasa	103
	Objektif 3.....	114
	Peringkat Telegrafik	114
	Dapatan Kajian Yang Tidak Diduga	124
	Peringkat Permulaan Tatabahasa	124
	Objektif 4.....	130
	Peringkat Kecekapan Penuh	130

Perkembangan dan Penggunaan Morfologi Daripada Peringkat Vokalisasi Hingga ke Peringkat Perkembangan Ayat-ayat Kompleks.....	145
Perkembangan dan Penggunaan Sintaksis dan Peringkat Vokalisasi hingga ke Peringkat Perkembangan Ayat-ayat Kompleks	160
Penggunaan Bahasa Kanak-kanak Melayu Dalam Situasi-situasi Tertentu Melalui Teknik Interaksi	168
Pertumbuhan dan Perkembangan Bahasa Kanak-kanak Melayu	178
Faktor-faktor Penghasilan Cakapan dan Penggunaan Bahasa Di Kalangan Kanak-kanak Melayu	188
Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	194
Implikasi Dapatan Kajian	198
V RUMUSAN DAN CADANGAN	200
Rumusan	200
Cadangan Memperbaiki Kelemahan	205
Cadangan Kepada Iubapa	205
Cadangan Kepada Penerbit	208
Cadangan Kepada Guru Pra Sekolah	209
Cadangan Kajian Selanjutnya.	211
BIBLIOGRAFI	213
LAMPIRAN	225
A Transkripsi Ujaran Peringkat Vokalisasi	226
B Transkripsi Ujaran Peringkat Holofrasa	237
C Transkripsi Ujaran Peringkat Telegrafik	248
D Transkripsi Perbualan Peringkat Menjelang Tatabahasa	261
E Perkembangan Ayat-ayat Kompleks	268
F Hasil Dapatan Peringkat Kecekapan Penuh	281
G Gambar-gambar bagi Aktiviti Mewarna dan Bercerita	288
H Surat-surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan	299
BIODATA PENULIS	303



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Beberapa Pertuturan Dua-Tiga Kata dan Tujuannya	8
2	Ringkasan Ujian-t bagi Keutamaan Kanak-kanak	44
3	Peringkat Pemerolehan Bahasa Berdasarkan Umur Kanak-kanak	66
4	Senarai Subjek Kajian Peringkat Vokalisasi	87
5	Senarai Subjek Kajian Peringkat Holofrasa	88
6	Senarai Subjek Kajian Peringkat Telegrafik	89
7	Senarai Subjek Kajian Peringkat Kecekapan Penuh	90
8	Ujaran Telegrafik dan Tujuannya	119



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Proses Dalam Otak	62
2	Kerangka Konsepsi berdasarkan Teori Mentalis	64
3	Kerangka Kajian Mengikut Tatacara Kajian	80
4	Ujaran-ujaran Peringkat Vokalisasi	98
5	Bunyi-bunyi Ujaran Holofrasa	109
6	Kekerapan Penggunaan Jenis Ayat	121
7	Hasil Dapatan Peringkat Kecekapan Penuh	139
8	LAD atau Language Acquisition Device	197

SENARAI SINGKATAN

BI	-	Bahasa Pertama
FN	-	Frasa Nama
FK	-	Frasa Kerja
MLU	-	Min Panjang Ujaran
VV	-	Vokal-Vokal
KV	-	Konsonan-Vokal
OG	-	Orang Gaji
LAD	-	Alat Pemerolehan Bahasa
KK	-	Kata Kerja
KN	-	Kata Nama
HN	-	Hipotesis Nurani

BAB 1

PENDAHULUAN

Latar Belakang Kajian

Kanak-kanak merupakan anugerah Tuhan Yang Maha Esa. Kanak-kanak memperlihatkan kebolehan memperoleh bahasa ibundanya dengan cara yang luar biasa. Pemerolehan bahasa ini berlaku mengikut perkembangan yang tertentu, biasanya diperoleh secara tidak formal daripada bahasa yang diucapkan oleh ahli-ahli masyarakat di sekitarnya (Krashen dan Terrel, 1983:18-19). Demikian juga halnya kanak-kanak Melayu. Apabila bahasa yang diucapkan oleh ahli-ahli masyarakat di sekitarnya ialah bahasa Melayu, maka tanpa disedari, kanak-kanak Melayu itu secara tidak langsung akan meniru bahasa tersebut. Oleh sebab kanak-kanak Melayu ini belum pernah belajar bahasa apapun, maka bahasa Melayulah bahasa yang pertama diperolehnya. Inilah yang dikatakan pemerolehan bahasa pertama oleh Mengantar Simanjuntak (1987:157).

Proses yang berlaku sewaktu kanak-kanak Melayu cuba memperoleh bahasa ibundanya terdiri daripada dua jenis. Jenis yang pertama ialah pemahaman manakala yang kedua ialah penerbitan. Pemahaman melibatkan kebolehan mengamati ayat-ayat yang didengar. Proses penerbitan pula melibatkan kebolehan menghasilkan ayat-ayat sendiri. Apabila kedua-dua proses ini telah dikuasai oleh kanak-kanak Melayu, baharulah dia dikatakan mempunyai kebolehan linguistik. Kedua-dua proses ini berlaku bukan sahaja terhadap kanak-kanak Melayu bahkan hal ini ialah fenomena yang relatif, yang berlaku kepada semua kanak-kanak di dunia.

Keupayaan untuk mengembangkan bahasa berlaku kepada semua kanak-kanak yang mempunyai fungsi otak yang normal tanpa mengira bangsa, kebudayaan, atau kecerdikan menyeluruh. Hasil kajian Steinberg (1995) menunjukkan bahawa kanak-kanak dapat mengembangkan sistem linguistik yang kompleks, bergerak daripada peringkat satu kata ke peringkat berbilang kata dalam jangkamasa yang singkat, iaitu ketika kanak-kanak berumur lebih kurang 4 hingga 5 tahun.

Walaupun orang dewasa berfikir bahawa mereka sedang 'mengajar' anak-anak mereka bercakap, tidak terdapat bukti yang menyakinkan bahawa kanak-kanak memerlukan arahan yang khusus daripada orang tuanya. Steinberg (1995) mengatakan bahawa pemerolehan bahasa kanak-kanak berkembang mengikut satu susun atur bermula daripada peringkat vokalisasi, holofrasa, telegrafik dan berakhir di peringkat perkembangan ayat-ayat kompleks. Kajian Steinberg (1995) ini adalah yang terbaharu yang berkaitan dengan pemerolehan bahasa kanak-kanak. Walaupun kanak-kanak yang menjadi sampel kajian Steinberg terdiri daripada kanak-kanak berbangsa Inggeris, penyelidik berpendapat teori yang lahir daripada kajiannya dapat diaplikasi oleh penyelidik kepada kanak-kanak Melayu. Oleh sebab itu, penyelidik mengambil keputusan untuk membuat satu kajian tentang perkembangan pemerolehan bahasa di kalangan kanak-kanak Melayu berdasarkan teori Steinberg (1995). Teori Steinberg akan dihuraikan secara terperinci oleh penyelidik pada perenggan yang seterusnya.

Peringkat Perkembangan Pemerolehan Bahasa

Steinberg (1995) memperlihatkan bahawa kanak-kanak melalui satu siri peringkat perkembangan bahasa semasa mereka menguasai bahasa pertamanya (BI). Siri peringkat perkembangan bahasa kanak-kanak dimulai dengan peringkat

vokalisasi (6 bulan – 11 bulan), holofrasa (10 bulan – 18 bulan), telegrafik (18 bulan ke atas) dan diakhiri dengan peringkat perkembangan ayat-ayat kompleks (4 – 5 tahun). Selanjutnya diperturunkan peringkat perkembangan bahasa kanak-kanak berdasarkan Steinberg (1995):

Vokalisasi

Bayi yang berumur beberapa tahun belum pandai bercakap tetapi mengeluarkan berbagai-bagai bunyi melalui mulutnya. Dia menangis, menguku seperti bunyi burung, merobok seperti bunyi air keluar dari botol yang bermulut kecil, menghembus, meludah, dan banyak lagi bunyi-bunyi yang sukar dijelaskan. Walaupun bunyi-bunyi ini bukan bunyi-bunyi bahasa, penghasilan bunyi-bunyi ini membolehkan bayi melatih dan mengawal alat-alat artikulasinya. Bayi dapat melatih menyelaraskan pernafasannya dengan pembikinan bunyi-bunyi. Bunyi-bunyi yang sama ini (menangis, menguku, dan sebagainya) dihasilkan oleh semua bayi di dunia. Bayi yang pekak juga menghasilkan bunyi yang sama. Tetapi, bayi yang pekak tidak meneruskan perkembangan bahasanya ke peringkat bebelan, iaitu tahap vokalisasi yang selanjutnya, yang mirip kepada bahasa.

Vokalisasi melibatkan penggunaan bunyi-bunyi bahasa, terutamanya suku kata vokal dan konsonan-vokal, seperti /a/, /u/, /ma/, /gi/, /pa/. Pengulangan bunyi-bunyi ini memberi bayi kualiti bunyi-bunyi serupa bahasa, contohnya: 'mama', 'gigi', 'papa', terutama apabila bunyi-bunyi ini melibatkan pola intonasi dalam bahasanya.

Sewaktu vokalisasi ini berterusan, bunyi-bunyi bayi lebih mendekati bunyi-bunyi bahasa yang didedahkan kepadanya. Ketika berumur 10 atau 11 bulan bayi akan sering bebelan menggunakan ayat pura-pura yang bukan kata (*pseudo nonword 'sentence'*) dengan pola intonasi penyata, pertanyaan, dan seruan.

Tidak hairanlah bayi terlebih dahulu memperoleh pola intonasi bahasanya sebelum dapat menghasilkan sesuatu kata. Lagi pun, ketika kita mula mendengar bahasa yang baru untuk kali yang pertama, kita berkecenderungan mendengar pola rentak, nada, dan tekanannya. Kita tidak tahu bagaimana untuk memancang aliran sesuatu ayat kepada perkataan, demikian jugalah kanak-kanak. Kita menjadi biasa dengan melodi bahasa sebelum kita memperoleh perkataannya. Melodi, iaitu pola intonasilah yang dipelajari dahulu oleh bayi sebelum dia mengecam dan seterusnya meniru bahasa.

Holofrasa

Bilakah agaknya kanak-kanak mula menyebut kata-kata pertamanya? Ini merupakan soalan yang sukar untuk dijawab kerana terdapat perbezaan individu dan sukar untuk menentukan dengan tepat bila sesuatu kata itu telah dipelajari oleh kanak-kanak.

Bagi kanak-kanak yang normal, kata pertama telah dilaporkan muncul ketika kanak-kanak berumur 4 bulan dan ada juga yang muncul sewaktu umur 18 bulan,